



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	KPKM LANTIK MAJLIS PENASIHAT JAYAKAN REFORMASI NAFAS, TINGKAT TAHAP KELULUSAN -MAT SABU, THE MALAYSIA PRESS -ONLINE KPKM TINGKAT KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA MELALUI PEMANFAATAN TANAH TERBIAR, NABALU NEWS -ONLINE PENGANIAYAAN HAIWAN: KERAJAAN TELITI SEMULA AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015, BULETIN TV3 -ONLINE PAC AKAN PANGGIL KHAZANAH, PNB ISU FASHIONVALET, JUGA AKAN PANGGIL NAFAS, REFLAKS.MY -ONLINE BERPAKAT TETAPKAN HARGA: 107 SYARIKAT KENA DENDA, LOKAL, HM -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6.	DOF LABUH 74 TIRUAN UNTUK PULIH SUMBER PERIKANAN NEGARA, SUARA SARAWAK -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10.	SECOND MODERN PIG FARM FOR S'WAK, NATIONAL, THE SUN -4 107 SYARIKAT KENA PENALTI RM571.5 JUTA, NEGARA, KOSMO -4 KUALA MUDA KINI PENGELUAR 'ANGGUR LAUT', LOKAL, HM -18 LADANG JADI TALIAN HAYAT 14 GELANDANGAN, LOKAL, HM -22	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2024	THE MALAYSIA PRESS	ONLINE	

KPKM lantik Majlis Penasihat jayakan reformasi Nafas, tingkat tahap ketelusan – Mat Sabu



KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang merangka gerak kerja agenda reformasi pentadbiran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan operasi pertubuhan itu sebagai institusi penting yang mewakili kepentingan peladang di seluruh Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan, beliau hari ini telah mengadakan pertemuan bersama Pengerusi Council of Advisors National Farmers Organization (Nafas), Tan Sri Zainal Rahim Seman dan Majlis Penyerahan Watikah Lantikan Council of Advisors Nafas di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

“Antara yang dibincangkan hari ini adalah berkait dengan agenda reformasi pentadbiran Nafas untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan operasi Nafas sebagai institusi penting yang mewakili kepentingan peladang di seluruh Malaysia.

“Saya menekankan keperluan untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam semua peringkat pentadbiran di Nafas. Langkah ini penting bagi memastikan integriti Nafas sebagai entiti yang mendapat kepercayaan dari peladang seluruh negara,” katanya.

Menurut Mohamad lagi, reformasi Nafas ini perlu dilakukan untuk meningkatkan daya saing organisasi, termasuklah memperkukuh peranan kepemimpinan dan membangunkan rangka kerja yang lebih mantap untuk memastikan pengurusan yang lebih cekap dan responsif terhadap perubahan dalam industri pertanian.

“Selamat menjalankan tugas kepada Council of Advisors Nafas yang dilantik dan saya berharap reformasi pentadbiran yang dilakukan ini berjaya mengangkat Nafas menjadi sebuah organisasi yang lebih dinamik, telus, dan berkesan dalam membela nasib peladang dan memperkasakan sektor pertanian Malaysia,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2024	NABALU NEWS	ONLINE	

KPKM tingkat keterjaminan makanan negara melalui pemanfaatan tanah terbiar



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus komited dalam memajukan sektor agromakanan negara dengan memaksimumkan penggunaan tanah terbiar melalui kerjasama strategik bersama kerajaan negeri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup, menjelaskan bahawa pelbagai inisiatif sedang dijalankan, termasuk program penanaman padi berskala besar dan pembangunan industri jagung bijian untuk memperkukuh bekalan makanan negara.

"Yang pertama pelaksanaan program SMARTSawah berskala besar atau SMARTSPB, yang melibatkan kerjasama strategik antara kementerian dan 25 buah syarikat peneraju seperti BERNAS, FGV Integrated Farming Holding Sdn. Bhd., Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian di Pahang bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran beras," katanya.

"Kita sangat terbuka untuk meningkatkan lagi program-program yang lain seperti tanaman jangka pendek untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil RISDA," kata Arthur dalam sesi soal jawab, di Dewan Rakyat," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Penganiayaan haiwan: Kerajaan teliti semula Akta Kebajikan Haiwan 2015



KUALA LUMPUR: Kerajaan akan meneliti Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) bagi mengenakan tindakan lebih tegas kepada pelakuan jenayah terhadap haiwan.

Ini kerana tingkah laku mendera dan menganiaya haiwan disifatkan tersasar dari nilai kemanusiaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pihaknya memandang serius beberapa kes kekejaman terhadap haiwan sejak kebelakangan ini.

“Apa yang berlaku ini memang diluar nilai-nilai kemanusiaan dan kementerian memandang serius perkara ini.

“Kita nak lihat akta yang ada memadai untuk menjaga dan mengawal haiwan ini supaya tindakan lebih tegas terhadap mereka (pelaku jenayah haiwan),” katanya dalam temubual eksklusif dengan Buletin TV3 di ibu negara, siang tadi.



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam temubual eksklusif bersama Buletin TV3 di ibu negara, siang tadi.

Terbaharu, polis semalam menahan seorang mekanik selepas tindakannya memukul seekor anjing hingga mati menggunakan batang besi

tular di media sosial.

Ketika ini, Akta 772 memperuntukkan hukuman denda minimum 20 ribu ringgit dan maksimum RM100,000 atau dipenjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Selain itu Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana menganiaya dan khianat terhadap haiwan memperuntukkan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sebelum ini Buletin TV3 menerbitkan laporan pendedahan tingkah laku jenayah terhadap haiwan, dan saranan pelbagai pihak termasuk aktivis supaya kerajaan menambah baik akta sedia ada bagi melindungi hak kebajikan haiwan.

Berdasarkan data Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Selangor mencatatkan kes penderaan haiwan tertinggi iaitu lebih 3,000 kes, diikuti Kuala Lumpur lebih seribu.

Anjing, haiwan yang paling menjadi mangsa kepada kekejaman berkenaan dengan lebih 5,000 kes selain kucing hampir 2,000 kes.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2024	REFLAKS.MY	ONLINE	

PAC akan panggil Khazanah, PNB isu FashionValet, juga akan panggil NAFAS



JAWATANKUASA Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memulakan prosiding berhubung kerugian pelaburan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) terhadap Fashionvalet.

Pengerusinya, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, PAC akan memanggil Khazanah dan PNB susulan kerugian pelaburan dana awam berjumlah RM43.9 juta dalam syarikat itu.

Menurutnya dalam kenyataan pada Khamis, prosiding itu dijangka diadakan pada minggu kedua Disember 2024.

Selain itu, katanya, PAC kini sedang menjalankan prosiding berhubung Pengurusan Program Penanaman Padi dan setakat ini sebanyak empat prosiding telah diadakan.

Setakat ini, seramai 12 saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan dan pada minggu hadapan, PAC akan mendengar keterangan dan penjelasan daripada 14 saksi yang terdiri daripada pesawah, pengeluar benih padi sah, pengilang beras dan ahli akademik.

Tambah Mas Ermieyati, memandangkan isu melibatkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kembali hangat, PAC akan sekali lagi memanggil wakil daripada NAFAS.

“Sejak dua minggu lepas, isu NAFAS telah menjadi topik hangat dan pertubuhan ini dianggotai 930,000 ahli peladang di seluruh negara.

“Sehubungan itu, PAC telah membuat keputusan untuk memanggil semula NAFAS bagi menjelaskan isu yang sedang melanda syarikat berkenaan.

“PAC bimbang isu dan kemelut melanda NAFAS ini akan membawa kepada masalah lebih besar iaitu kekurangan baja kepada pesawah. Prosiding untuk NAFAS akan ditetapkan pada minggu kedua Disember 2024,” katanya.

Tambahnya, NAFAS sebelum ini adalah sebahagian daripada saksi bagi prosiding tersebut yang mana PAC pernah memanggil Ketua Pegawai Eksekutif NAFAS untuk memberi penjelasan dan keterangan pada 26 Mac 2024.

8/11/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

18

CEGAH BUDAYA KARTEL

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Sejumlah RM571.5 juta penalti kewangan dikenakan terhadap 107 syarikat kerana terbabit dalam karnel manakala dua lagi syarikat monopoli yang menyalahgunakan kedudukan mereka.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Ali berkata, jumlah itu direkodkan hasil daripada penguatkuasaan amalan anti-persaingan yang dilaksanakan kemeneriannya menerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sepanjang tempoh sembilan tahun lalu.

Katanya, pada 2015 MyCC berjaya menumpaskan karnel pengeluaran ais terdiri 24 pemain di Selangor, Wi-

layah Persekutuan dan Putrajaya yang didapati menetapkan harga produk ais dan mengenakan penalti RM252,250.

"Pada tahun sama, MyCC juga menumpaskan karnel pengeluaran roti dan manisan di Sibul yang terdiri daripada 14 syarikat kerana menetapkan harga produk itu dan jumlah penalti dikenakan ialah RM247,730.

"Selain itu, MyCC juga menumpaskan karnel yang terdiri dari lima syarikat yang menjalankan perkhidmatan feri di antara Kuala Perlis dan Langkawi pada 2021.

"Perkhidmatan ini membolehkan pengangkutan produk termasuk bahan makanan dihantar ke Langkawi. Mereka dikenakan penalti kewangan sebanyak RM2.19 juta.

"Pada Disember 2023 pula, MyCC mengenakan penalti kewangan penalti RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam Armizan

dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen Malaysia.

Beliau menjawab pertanyaan **Muhammad Ismi Mat Taib (PN-Parit)** mengenai usaha diambil KPDN bagi menghapuskan karnel dalam sektor bahan makanan bagi menggalakan persaingan dan membasmikan kegiatan karnel membasmi kegiatan karnel keuntungannya melampau (*profiteering*). Dalam memperkasakan

lagi usaha memerangi karnel sektor bahan makanan, Armizan berkata, MyCC menjalankan kajian bertujuan mengkaji struktur pasaran dan amalan perniagaan industri padi dan beras negara secara menyeluruh bagi mengenal pasti sebarang potensi isu persaingan.

"Kajian ini juga seabahagian pendekatan *whole of nation* KPDN bagi membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membentuk polisi baharu bagi industri padi dan beras negara dan dapatan

kajian ini telah pun diemukakan kepada KPKM.

"Atas arahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), MyCC juga sedang menjalankan kajian terhadap *Approved Permit* (AP) dan *Import Permit* (IP) dalam pengimportan barang makanan iaitu bawang, daging dan kelapa.

"Pada masa ini, MyCC sedang giat menjalankan sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pemain industri yang berkaitan dan dapatan kajian ini dijangka dibentangkan kepada MTEN sebelum akhir tahun ini," katanya.

Berpakat tetapkan harga: 107 syarikat kena denda

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2024	SUARA SARAWAK	ONLINE	

DOF labuh 74 tukun tiruan untuk pulih sumber perikanan negara



PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) selesai membina 74 tukun tiruan yang bertujuan memulihkan sumber perikanan negara.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain berkata kerajaan membelanjakan sejumlah RM2.4 juta untuk melabuhkan kesemua tukun tiruan berkenaan tahun ini, dengan nilai ekonomi

daripadanya dianggarkan mencecah RM6.2 juta.

“DOF berharap dengan pelaksanaan projek tukun tiruan ini, ia bakal memberikan impak positif terhadap pemuliharaan sumber perikanan dan pembangunan sosio ekonomi nelayan setempat,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata lokasi projek itu adalah di Kedah dengan 14 unit, Terengganu (13 unit), Perak, Melaka dan Kelantan (12 unit) serta Pahang (11 unit).- BERNAMA

Second modern pig farm for S'wak

SIBU: The construction of another modern pig farm in Sarawak officially began with the groundbreaking ceremony of the facility in Sungai Selabi, Selangau on Wednesday.

Sarawak Food Industry, Commodity and Regional Development Minister Dafuk Seri Dr Stephen Rundi Utom said the RM300 million project on the 232.69ha plot would help the state achieve additional revenue worth RM1.5 billion by 2030.

The Selangau pig farming area (PFA), designed to house 12,000 parent stock, is expected to be completed within a year and will start to produce 150,000 pigs a year in 2027.

"The facility will use new technology to ensure biosecurity to avoid African swine fever, which almost wiped out the pig farming industry in the state."

The Pasir Puteh PFA in Simunjan, which has exported over 350,000 porkers worth RM312 million since 2017 and about 2,500 live pigs weekly to Singapore, is expected to have a standing pig population (SPP) of 250,000 while the modern pig farm in Ensegei, Serian, which is under development, will have an SPP of 50,000 by 2030.

Rundi said the Selangau PFA is developed by Best Pork Sdn Bhd, a subsidiary of a group that has a strong reputation in chicken, broiler and egg production in Sibü.

He urged Selangau residents to get involved in the business by supplying cassava leaves and tapioca for animal feed to the farm, or taking the opportunity to learn about pig farming.

He expressed hope that the company would share its experience and expertise with local young entrepreneurs who want to learn about pig farming.

"We are looking at commercialising agriculture by 2030 and hope to increase the household income of the farming community from RM6,000 to RM15,000 (a month), and to eventually eradicate poverty."

Best Pork Sdn Bhd managing director Richard Ngu said with cutting-edge biosecurity and environmental management practices, the facility would set new standards for efficiency and sustainability to ensure Sarawak remains at the forefront of agricultural development in Malaysia. - Bernama

MyCC tumpas kartel ais, makanan ayam

+107 syarikat kena penalti RM571.5 juta

Oleh ZULKIFLI MANZOR


KUALA LUMPUR – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengenakan penalti kewangan sebanyak RM571.5 juta ke atas 107 syarikat kerana terbabit dalam kartel sejak 2015.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Ali berkata, turut dikenakan penalti ialah dua syarikat monopoli yang didapati menyalahgunakan kedudukan.

"Pada 2015, MyCC menumpaskan kartel pengeluaran ais terdiri daripada 24 pemain di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya yang didapati menetapkan harga produk ais dan mengena-kan RM252,250 penalti.

"Pada tahun sama, MyCC menumpaskan kartel pengeluaran roti dan manisan di Sibul yang terdiri daripada 14 syarikat kerana menetapkan harga produk dan penalti dikenakan RM247,730," katanya dalam jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat semalam.

Bellau menjawab soalan Mu-hammad Ismi Mat Taib (**PN-Parit**) mengenai usaha KPDN bagi menghapuskan kartel dalam sektor bahan makanan untuk menggalakkan persaingan.



ARMIZAN menegaskan MyCC sedang menjalankan kajian dalam pengimportan bawang, daging dan kelapa.

Armizan berkata, MyCC turut menumpaskan kartel lima syarikat yang menjalankan perkhidmatan feri antara Kuala Perlis dan Langkawi pada 2021 dan penalti kewangan sebanyak RM2.19 juta dikenakan.

Katanya, pada Disember 2023, MyCC mengenakan penalti kewangan RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam.

"Bagi memperkasakan lagi usaha memerangi kartel sektor

bahan makanan, MyCC menjalankan kajian bertujuan mengkaji struktur pasaran dan amalan perniagaan industri padi dan beras negara.

"MyCC juga sedang menjalankan kajian terhadap Approved Permit (AP) dan Import Permit (IP) dalam pengimportan bawang, daging dan kelapa.

"Kajian ini dijangka dibentangkan sebelum akhir tahun ini," ujarnya.

8/11/2024

HARIAN

LOKAL

18

METRO



JANGKA masa ternakan latok adalah antara 45 hingga 60 hari.

Sungai Petani: Bukan hanya wujud di perairan Sabah sebaliknya rumpai laut latok kini ditanam secara komersil Pulau Sayak, Kota Kuala Muda di sini.

Khasiat rumpai laut latok yang baik untuk kesihatan mampu menjadikan tumbuhan akuatik ini dikomersilkan menjadi produk kesihatan dan kecantikan kulit. Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Mohammad Suhaimie Abdul Manaf berkata, pihaknya kini giat menjalankan aktiviti penyelidikan dan ternakan latok sejak 2019 bermula di Langkawi dan terkini dipindahkan ke Pulau Sayak. Kota Kuala Muda di sini menggunakan pelbagai kaedah penyemaian.

Katanya, pada Mac lalu, pihaknya berjaya menuai 300 kilogram latok atau turuk dikenali sebagai 'anggur laut' dan tuaiannya kini marin dianggarkan seberat 400 peratus. "Di Negara Asia Tenggara seperti Thailand, Indonesia, Vietnam dan Filipina, latok adalah salah satu sumber pendapatan utama



Kuala Muda kini pengeluar 'anggur laut'

KAKITANGAN menunjukkan ternakan latok di kolam Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Kuala Muda.

daripada industri akuakultur di mana ia ditanam dalam skala besar untuk tujuan komersial dan pasaran eksport ke Jepun, Taiwan, China dan sebagainya," katanya pada Majlis Penuaian Latok di Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak Kuala Muda di sini, semalam.

Hadir merasmikan majlis penanaman itu adalah Pengarah Kanan Penyelidikan, Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan, Malaysia, Dr Azhar Hamzah. Mengulas lanjut, Mohammad Suhaimie berkata, usaha untuk menanam anggur laut secara komer-

sial di Malaysia masih di peringkat awal dan ia merupakan satu produk yang berpotensi untuk dibangunkan dan dikembangkan sebagai salah satu komoditi akuakultur negara.

Katanya, ia perlu dinam dalam skala besar dan memerlukan kerjasama dari-pada pelbagai agensi dan Persatuan Nelayan.

"Sekarang kita ada dua rakan strategik dari Pulau Pinang dan Selangor. Kita adakan lagi kerjasama dengan tujuh lagi rakan strategik (syarikat) dari Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

"Kita berharap ramai lagi nelayan pantai berminat menanam latok"
Suhaimie



DR Azhar dan Suhaimie (depan) menunjukkan tuai latok di kolam Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Kuala Muda.

"Kita juga berharap ramai lagi nelayan pantai berminat menanam latok untuk jana pendapatan sampingan mereka, benih latok ini akan disediakan pihak kami yang turut memberi bimbingan untuk mereka berjaya.

"Memandangkan hampir

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	22

Sepang

TANAM SAYUR GUNA TEKNOLOGI IoT

Ladang jadi talian hayat 14 gelandangan

Secebis peluang yang diberikan pengusaha ladang pertanian pintar, Metrosfarm di sini, membawa sejuta makna kepada rakan jalanan (gelandangan), Izuddin Mastuki, 41, yang sebelum ini bergelumang dengan jenayah, untuk kembali ke pangkal jalan dengan menggunakan kudrat tenaga yang masih ada.

Berkongsi pengalamannya kepada Bernama, Izuddin yang lebih dikenali sebagai Che Din berkata, kehidupannya kini bertukar 360 darjah, daripada seorang yang tidak mempunyai arah hidup dan berasa tersisih kepada pekebun yang mengusahakan ladang pertanian pintar bersama 13 rakan senasib.

"Apabila Ketua Projek Ariff Hishamudin Hussin pilih saya untuk latih saya jadi petani IoT (Internet Benda), saya terima dengan terbuka dan terharu, sebab masih ada lagi insan yang mahu beri peluang kedua dan kepercayaan kepada orang macam saya."

"Saya tidak sangka dapat peluang ini, saya anggap peluang ini sebagai talian hayat buat saya," kata pemuda yang berasal dari Johor itu.

Mula membanting tulang mencurahkan keringat di ladang pintar itu sejak awal tahun ini, Che Din berkata beliau mengikuti kursus selama tiga bulan bagi mendalami ilmu tentang selok-belok pertanian pintar, khususnya penanaman serta penjagaan sayuran berdaun termasuk kaedah menguruskan sistem IoT dalam bidang pertanian.

"Banyak kali hasil tangan saya bersama rakan lain sudah dituai, saya rasa bangga dan berpuas hati sebab



Saya terfikir, kenapa kita tidak berikan ilmu kemahiran kepada mereka supaya mereka ini tidak hanya terima bantuan untuk teruskan hidup"

Ariff

saya asal daripada gelandangan, tetapi kini ada hasil tangan dalam bidang pertanian," katanya.

Beliau berkata, segala ilmu yang dicurahkan oleh pasukan Metrosfarm dan Jabatan Pertanian Daerah Sepang, akan dimanfaatkan sebaik mungkin dan berharap dikurniakan rezeki untuk mengusahakan ladang pertanian sendiri pada masa hadapan, demi menjadi seorang insan yang berguna kepada keluarga serta masyarakat.

"Insya-Allah saya akan buat yang terbaik sebagai membalas budi terhadap peluang ini. Bagi saya, ilmu yang dikongsi amat bermanfaat berbanding duit. Sebab ilmu tidak akan habis malah makin bertambah tetapi duit akan habis," katanya menambah turut menerima elaun bu-

lanan sebanyak RM300.

Berkongsi sejarah penubuhan Metrosfarm, Ariff Hishamudin berkata idea tercetus ketika program amal pengedaran pek makanan kepada golongan rakan jalanan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 2015.

"Saya terfikir, kenapa kita tidak berikan ilmu kemahiran kepada mereka supaya mereka ini tidak hanya terima bantuan untuk teruskan hidup, sebaliknya diberikan ilmu untuk dimanfaatkan bagi mencari pendapatan sebab masih sihat tubuh badan," kata anak kelahiran Muar, Johor, berusia 30 tahun itu.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sosial Sains Universiti Tun Abdul Razak itu berkata, idea itu kini di-

realisasikan dengan kewujudan rumah hijau seluas 0.2 hektar di Bandar Baru Salak Tinggi, di sini yang menempatkan 47 meja semaian mengandungi lebih 14,000 pasu kecil sayuran terdiri daripada salad jenis red coral, green coral dan red oakleaf.

Beliau berkata, ladang IoT yang telah beroperasi hampir dua tahun itu kini berjaya melatih 14 rakan jalanan, terdiri daripada lapan lelaki dan enam wanita berusia antara 40 dan 50 tahun dan kejayaan ladang itu ketika ini adalah berjaya memasarkan salad ke beberapa pasar raya di Lembah Klang dan pasaran eksport ke Singapura sejak Mei lepas.

"Satu meja kita boleh tuai red coral dan red oakleaf antara 15 dan 20 kilogram (kg) manakala green coral boleh dapat 30kg," katanya menambah harga jualan bagi sekilo green coral dan red coral adalah antara RM5 dan RM10, manakala red oakleaf antara RM14 dan RM16.

Mengenai perancangan masa hadapan, Ariff Hishamudin berkata beliau bersama pasukannya berhasrat mewujudkan rumah hijau berkonsep IoT untuk diusahakan pesara kerajaan, dengan sasaran menghasilkan lima tan daun sup sebulan.



RANO menunjukkan sistem IoT rekaan sendiri bagi memudahkan untuk memantau serta mengawal sistem pembajaan, saliran, pengudaraan pada rumah hijau.



LADANG pertanian pintar dilengkapi sistem IoT buatan sendiri, termasuk saliran air dan baja, 16 kipas pengudaraan dan tangki air yang dipantau melalui sistem dalaman.

"Untuk projek ini, kami telah jumpa KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) tahun lepas, dan ketika ini masih tunggu maklum balas," katanya berharap kerajaan dapat membantu dari segi dana dan latihan untuk merealisasikan perancangan itu demi menjamin keterjaminan makanan negara.

Sementara itu, pembangun IoT Rano Paimin, 45, berkata rumah hijau berkenaan dilengkapi sistem IoT yang direka sendiri menggunakan ilmu dan kepakaran dimiliki, dengan

membina sendiri sistem saliran air dan baja, 16 kipas untuk pengudaraan serta tangki air yang boleh dikawal dan dipantau menerusi sistem yang dibangunkan sendiri.

"Kami guna aplikasi Telegram untuk dapatkan notifikasi mengenai kekurangan air atau baja. Kelak, kami rancang untuk tambah baik guna teknologi kecerdasan buatan (AI), sebab AI mampu bagi maklumat ramalan cuaca dan akan kawal sepenuhnya operasi rumah hijau ini," kata anak kelahiran Kuching, Sarawak itu.



CHE Din mengikuti kursus tiga bulan bagi mendalami ilmu tentang pertanian pintar, khususnya penanaman serta penjagaan sayuran berdaun termasuk kaedah menguruskan sistem IoT.